

Oleh Basir Zahrom

basir_zahrom@bhcom.my

► Ayer Keroh

Kelab Teater Sejagat PENTAS, Universiti Putra Malaysia (UPM) melakar sejarahnya tersendiri apabila julung kalinya dinobatkan sebagai johan keseluruhan dalam Festival Teater Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM).

Mempertaruhkan teater bertajuk 'Badut' hasil karya Khairul Amin, kelab itu berjaya membawa pulang wang tunai RM3,000 selain turut memenangi kategori Kesan Teknikal Terbaik serta Penataan Cahaya dan Audio Terbaik.

Lebih manis, pelakon kelab teater itu, Muhammad Nabil Asyraf Azhar dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik, manakala Nazreen Ashira Amran pula memenangi anugerah sama untuk kategori perempuan.

Kelab teater terbabit adalah di bawah naungan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UPM.

Pegawai Kebudayaan BHEP UPM, Adidi Tamin, berkata pihaknya amat berbangga dengan kemenangan itu kerana merupakan kejayaan selung selepas lebih sedekad menyertai pertandingan itu.

Sokongan padu

Katanya, kejayaan itu turut diraikan oleh semua ahli kelab termasuk alumni

Teater 'Badut' johan MAKUM

yang bertungkus lumus membuat persiapan.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak BHEP UPM yang memberi sokongan padu, tidak lupa juga kepada semua kru produksi Teater 'Badut' terutama Khairul Amin selaku penulis skrip," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Pertandingan Festival Teater MAKUM 2015

diadakan secara berperingkat dengan 18 universiti awam (UA) bersaing pada peringkat saringan yang diadakan di beberapa peringkat zon, antaranya Zon Tengah, Zon Utara dan Zon Timur.

Hanya enam UA berjaya dipilih ke peringkat akhir dan pementasan peringkat

akhir telah diadakan di Kompleks Taman Budaya Negeri Melaka.

Festival itu turut mendapat sokongan penajaan daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka.

INFO

Sinopsis Teater 'Badut'

Menceritakan kisah silam Amylia (selaku watak utama) 20 tahun dahulu di mana telah berlakunya pergelutan dalam perancangan membalas dendam terhadap Tuan Khaled iaitu orang yang merampas rumah anak yatim semata-mata untuk mendirikan Astana (sebuah pusat persembahan berprestij). Terdapat kisah persahabatan, percintaan dan pengorbanan yang berpaksikan kepada rasa dendam, amarah, kesakitan, keberanian dan kekecewaan dikupas sepanjang penceritaan 20 tahun itu.

Bibit cinta wujud antara Amylia dan Adam sepanjang tinggal di Astana bertahun-tahun bersama-sama Rose (adik Adam) dan Omar yang sudah seperti adik-beradik.

Namun kedatangan Armand (orang baharu) dalam Astana telah memberi persaingan kepada Adam apabila Amylia mula berasa perasaan cinta terhadap Armand.

Sebahagian daripada babak dalam pementasan teater 'Badut'.

Antara aksi menarik dalam pementasan teater 'Badut'.



Pelakon, kru dan kakitangan BHEP UPM yang menjayakan teater 'Badut'.

